



**ULAMAK PEWARIS  
ANBIYAK  
  
BUKAN  
PEWARIS AHLI KITAB**

**ZUL HILMEI BIN MOHAMAD ROHANI**

Ketua Penerangan Pemuda Pas Johor

## **Kandungan:**

Prakata .....	4
Biodata Penulis .....	8
MUQADDIMAH .....	10
Nabi Muhammad dan hubungannya dengan Nabi-nabi yang terdahulu .....	10
Engkar kepada seorang rasul ertinya engkar kepada seluruh rasul-rasul. ....	12
Perbezaan Nabi Muhammad S.A.W dengan Nabi-nabi yang terdahulu.....	13
TABIAT DAKWAH UNIVERSAL HADAPI RISIKO PERBALAHAN SESAMA SENDIRI .....	21
Kepimpinan Ulamak & Pakatan Rakyat Wajib Dipertahankan. ....	29
EKSKLUSIF KEPADA SESUATU BANGSA ERTINYA KEMBALI KEPADA ZAMAN AHLI KITAB.....	31
SIAPAKAH ANTARA PENGHALANG KEPADA GAGASAN UNIVERSAL? .....	34
Siapakah Ahli Kitab?.....	35
Modus Operandi Ahli Kitab.....	37
Menuduh ahli jemaah sebagai munafiq .....	41
KEPUTUSAN WALI AL-AMR(PEMIMPIN) DALAM MESYUARAT .....	50
Keputusan Syura Wajib bagi Imam atau Sekadar Maklum Sahaja. ....	54

# Prakata

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana telah memberikan kesempatan kepada saya untuk menulis mengenai kemelut yang berlaku dalam politik Malaysia terutamanya yang berkaitan dengan PAS. Suasana yang tidak kondusif merupakan faktor penting penulisan ebook ini.

Pertembungan 2 aliran yang dianggap pemusnah antara satu sama lain merupakan topik penting perbahasan dalam ebook ini. Penulisan ebook ini bukanlah yang terbaik, namun memberi sinar harapan bagi memperkukuhkan pandangan terhadap pendekatan politik baru dengan hujah-hujah al-Quran dan hadith-hadith baginda S.A.W. Ini disebabkan setiap pendirian mestilah ada hujahnya dan bukan taklid buta kepada golongan tertentu.

Jika dibiarkan dengan membenarkan fitnah, kebencian dan buruk sangka berleluasa di kalangan ahli jemaah tanpa ada yang menegur perkara tersebut adalah salah menurut hujah al-Quran, maka ia adalah satu pengkhianatan kepada ilmu yang diwariskan oleh baginda S.A.W kepada seluruh amilin dan para pejuang agamanya.

Penggunaan jenama ulamak oleh yang bukan ahlinya merupakan ulangan sejarah yang pernah berlaku pada zaman baginda S.A.W. Meskipun ada di kalangan mereka yang ahli, namun terperangkap dalam fitnah yang tidak ada ruang untuk mereka keluar daripadanya. Mereka yang ahli di kalangan ulamak dipergunakan oleh yang bukan ahli hingga mencatitkan nama baik ulamak sebagai institusi yang dihormati oleh Pas dan masyarakat.

Sama ada mereka berada di pihak profesional mahupun ulamak, panduan ebook ini adalah bagi mengelakkan mereka terkeluar daripada garisan kesederhanaan dan kebijaksanaan dalam membuat penilaian.

Oleh itu penulisan ini tidak memaksudkan kepada mana-mana pihak, tetapi setiap pihak haruslah sedar dan insaf bahawa penjenamaan agama telah digunakan oleh ahli kitab dalam mempromosi kerja-kerja mereka agar dilihat oleh orang ramai sentiasa di landasan yang betul, walhal mereka telah memperguna premis tersebut untuk kepentingan diri mereka sendiri. Ada yang sedar, ada yang seperuh sedar dan ada yang tidak sedar langsung.

Manakala golongan profesional yang tidak mendapat pendidikan agama secara langsung, benarkah tindakan mereka terkeluar daripada garisan wahyu al-Quran dan Sunnah baginda S.A.W?

Tiada kayu ukur bagi menilai segala apa yang berlaku kecuali kembali kepada al-Quran, Hadith Nabi S.A.W, Ijmak para ulamak dan Qias.

Ebook ini juga mengupas siapakah mereka yang bergelar ulamak melalui sifat-sifat ulamak yang bermasalah seperti yang terdapat di dalam al-Quran. Jika hanya menjelaskan ciri-ciri ulamak, ramai yang terpesona dan terpedaya dengan pandangan zahir dan penampilan seseorang. Kayu ukur mestilah sumber yang sohih dan bukan yang direka-reka.

Rekod al-Quran telah mendedahkan ulamak yang bermasalah biasanya bukan berpunca dari dirinya, tetapi dirosakkan oleh orang yang paling hampir dengannya dalam mempengaruhi tindakan yang akan dilakukan. Tujuan mempengaruhi ulamak ada kaitan dengan kuasa, kepentingan politik dan harta.

Oleh itu, ujian ulamak Pas adalah besar dan berpotensi untuk terdedah kepada segala perkara tersebut. Tanggungjawab ahli jemaah adalah berpesan-pesan kepada kebenaran dan

berpesan-pesan kepada kesabaran, hanya ini mampu mengeluarkan kita daripada menjadi golongan yang rugi dalam memanfaatkan masa yang singkat ini.

Saya sangat terbuka seandainya ada pandangan yang berbeza atau ada pembetulan perlu dibuat dengan apa yang saya tulis andainya ada hujah lebih kuat...

وَمَا تَوْفِيقِي إِلَّا بِاللَّهِ عَلَيْهِ تَوَكَّلْتُ وَإِلَيْهِ أُنِيبُ

Zul hilmei Mohamad Rohani  
Ketua Penerangan Pemuda Pas Johor  
<https://www.facebook.com/ustzul>  
<http://www.zulhilmei.com>



## **Biodata Penulis**

Nama penulis Zul hilmei Bin Mohamad Rohani. Lahir di Hospital Kluang Johor. Mendapat pendidikan awal di Sek. Keb. Seri Rejo Sari, Batu Pahat. Di peringkat menengah di Madrasah Bugisiah Li al-Tarbiyyah al-Islamiyyah, Tampok, Benut(1990), kemudian melanjutkan pelajaran di Maahad Johor (1994) dan Madrasah Tarbiyyah Mardziah, Panchor, Kemumin, Kelantan (1995). Semasa di Kelantan, sempat berguru dengan Tuan Guru Nik Abd Aziz Nik Mat, bekas Menteri Besar Kelantan setiap minggu di Kuliah Jumaat Tafsir al-Quran di Dewan Zulkifli Mohammad, Jalan Dato Pati, Kota Bahru Kelantan dan di Masjid Pulau Melaka, setiap hari Selasa dan Rabu, pengajian Kitab Fiqh al-Sirah al-Bouthi dan Mau'izatul Mukminin (Bimbingan Mukmin) selama setahun sebelum menyambung pengajian ke Universiti Al-Azhar, Mesir pada tahun 1997 dalam Fakulti Usuluddin, Jabatan Hadith dan Ilmu Hadith sehingga tahun 2002. Pada tahun 2011 menyambung pengajian di peringkat Master di UTM Skudai.





# MUQADDIMAH

## Nabi Muhammad dan hubungannya dengan Nabi-nabi yang terdahulu

Dr Muhammad Said Ramdhan al-Boothy dalam kitabnya Fiqh Sirah, menjelaskan bahawa Muhammad S.A.W adalah merupakan Nabi terakhir dan tiada lagi lantikan nabi selepasnya. Ini adalah merupakan perkara yang telah disepakati oleh para ulamak dan ia merupakan perkara-perkara yang wajib diketahui oleh setiap muslim.

Firman Allah S.W.T:

مَا كَانَ مُحَمَّدٌ أَبَا أَحَدٍ مِّن رِّجَالِكُمْ وَلٰكِن رَّسُولَ اللَّهِ وَخَاتَمَ النَّبِيِّينَ ۗ وَكَانَ اللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمًا ﴿٤٠﴾

Maksud: Muhammad S.A.W itu sekali-kali bukanlah bapa kepada seseorang di kalangan lelaki antara kamu, tetapi dia adalah **Rasulullah S.A.W dan penutup kepada segala nabi-nabi.** Dan Allah Maha mengetahui segala sesuatu.

Rasulullah S.A.W bersabda:

إِنَّ مَثَلِي وَمَثَلَ الْأَنْبِيَاءِ مِنْ قَبْلِي ، كَمَثَلِ رَجُلٍ بَنَى بَيْتًا ، فَأَحْسَنَهُ وَأَجْمَلَهُ إِلَّا مَوْضِعَ لَبْنَةٍ مِنْ زَاوِيَةٍ ، فَجَعَلَ النَّاسُ يَطُوفُونَ بِهِ ، وَيَعْجَبُونَ لَهُ وَيَقُولُونَ : هَلَّا وُضِعَتْ هَذِهِ اللَّبْنَةُ ؟ قَالَ : **فَأَنَا اللَّبْنَةُ ، وَأَنَا خَاتَمُ النَّبِيِّينَ**  
الراوي:أبو هريرة المحدث : البخاري المصدر : صحيح البخاري الجزء أو الصفحة 3535:حكم المحدث:صحيح

Maksudnya: Perumpamaan aku jika mahu dibandingkan dengan nabi-nabi sebelumku adalah seperti seorang lelaki yang membina rumah. Pembinaan itu dilakukan dengan cara yang paling baik serta dilakukan kerja-kerja untuk memperindah dan mencantikkannya. Namun terdapat satu batu-bata yang berada di satu penjuru yang masih ditinggalkan dalam keadaan yang tidak sempurna. Maka orang ramai mula mengelilingi di kawasan penjuru tersebut dan masing-masing melahirkan perasaan hairan dan bertanya : Mengapakah batu-bata tidak diletakkan di penjuru ini. Untuk pengetahuan sekalian, bahawa **akulah batu-bata itu dan akulah Nabi yang paling akhir.**



Iklan penaja-->><http://www.100rumahbudiman.com>

Dakwah baginda S.A.W dan hubungannya dengan dakwah nabi-nabi yang terdahulu masing-masing diikat di atas asas memperkukuh yang menyempurna di antara satu sama lain. Oleh itu, bila beriman kepada Nabi Muhammad S.A.W, ia menuntut untuk kita beriman dengan nabi-nabi sebelumnya. Mereka tidak akan sempurna jika tidak ada Nabi Muhammad S.A.W dan Nabi Muhammad S.A.W tidak akan sempurna tanpa mereka.

## Engkar kepada seorang rasul ertinya engkar kepada seluruh rasul-rasul.

Mengingkari seorang rasul ertinya mengingkari seluruh rasul-rasul terdahulu. Ini dinyatakan dalam Surah Hud ayat ke 58-59:

وَلَمَّا جَاءَ أَمْرُنَا لَنَجِّنَا هُودًا وَالَّذِينَ ءَامَنُوا مَعَهُ بِرَحْمَةٍ مِنَّا وَنَجِّنَهُمْ مِّنْ عَذَابٍ غَلِيظٍ ﴿٥٨﴾  
وَتِلْكَ ءَايَاتُ رَبِّهِمْ وَعَصَوْا رُسُلَهُمْ وَاتَّبَعُوا أَمْرَ كُلِّ جَبَّارٍ عَنِيدٍ ﴿٥٩﴾

Maksudnya: Dan apabila telah datang urusan kami (azab kami) kami selamatkan Nabi Hud dan orang-orang yang bersamanya dengan rahmat dari kami. Kami selamatkan mereka daripada menerima azab yang keras. Begitulah nasib kaum A'ad yang degil terhadap ayat-ayat Allah dan **mengingkari seluruh**

**rasul-rasul** yang diutuskan disebabkan mereka mengikut arahan setiap samseng yang angkuh dan sombong.

Ayat di atas secara jelas menyebut bahawa golongan yang mengingkari Nabi Hud A.S bukan sekadar menolak Nabi Hud A.S, bahkan mereka menolak rasul-rasul yang diutuskan oleh Allah.

Ertinya hubungan antara Nabi Muhammad S.A.W dengan nabi-nabi terdahulu tidak boleh dipisahkan, disebabkan mereka masing-masing menjadi batu-bata bagi membentuk sebuah rumah yang cantik dan indah. Engkar kepada salah seorang daripada mereka, ertinya merosakkan rumah yang telah dibina oleh mereka. Batas kerosakan itu digambarkan oleh Allah S.W.T sebagai **engkar** dan merupakan **jenayah besar**.

## **Perbezaan Nabi Muhammad S.A.W dengan Nabi-nabi yang terdahulu.**

Fungsi menjadi batu-bata dalam sebuah rumah pasti tidak sama. Masing-masing memainkan peranan di tempat masing-masing. Begitulah peranan yang dimainkan oleh setiap nabi dan rasul, mereka memainkan peranan yang penting bersama kaum mereka masing-masing.

Namun demikian, peranan yang dimainkan oleh Nabi Muhammad S.A.W terdapat perbezaan yang ketara apabila dibandingkan dengan nabi-nabi yang terdahulu . Bentuk perbezaan ini harus difahami oleh kita disebabkan kita pembawa obor perjuangan Nabi Muhammad S.A.W hingga akhir zaman. Risalah baginda adalah risalah akhir zaman.

Apabila bercanggah dengan gagasan baginda, kita bukan sahaja engkar atau khianat kepada Nabi Muhammad S.A.W, bahkan kita juga engkar kepada nabi-nabi terdahulu. Ertinya kitalah yang telah merosakkan binaan rumah yang telah dibina oleh para ambiyak yang cantik dan indah.

Perbezaan itu adalah melibatkan wilayah risalah yang dibawa oleh baginda S.A.W berbanding nabi-nabi terdahulu. Wilayah risalah nabi-nabi terdahulu terbatas kepada kaum mereka sendiri. Kemunasahaban itu ada, disebabkan pada ketika itu adalah zaman permulaan hidup manusia. Perkembangan hidup manusia bermula dengan berdikit-dikit dan akhirnya membentuk satu ummah yang meliputi pelbagai bangsa dan warna kulit.

Apabila berubahnya zaman, maka syariat setiap nabi juga berubah. Yang tidak berubah hanyalah akidah iaitu mengajak

manusia ke arah pengabdian diri kepada Allah S.W.T. Perubahan ini menuntut agar wilayah nabi yang terakhir mestilah melepasi sempadan geografi antarabangsa bagi memenuhi keperluan umat manusia semasa yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan warna kulit. Pembatasan kepada wilayah risalah Nabi Muhammad S.A.W akan menyebabkan kelayakan baginda sebagai penghulu segala nabi akan dipersoalkan.



**Pengalaman sebenar merawat penyakit kronik dengan sekeping kaca**  
Iklan penaja-->><http://www.biodisc4all.com>

Untuk apa anugerah itu diberikan kepada baginda jika hanya memiliki kuasa wilayah risalah yang terbatas? Sudah pasti perkara ini sangat tidak munasabah. Cuba anda fikirkan dengan cara yang waras, bagaimana baginda S.A.W menjadi penghulu segala nabi, tetapi khusus kepada bangsa arab sahaja. Sudah pasti keterbatasan ini menghalang kita yang berbangsa melayu untuk beriman kepada Nabi Muhammad S.A.W. Namun kita beriman kepada baginda S.A.W disebabkan wilayah risalahnya yang tidak terbatas. Oleh itu kita dapat

menumpang rahmat yang dibawa oleh baginda S.A.W meskipun kita berbangsa melayu. Tidakkah anda merasa untung dengan rahmat ini? Islam for all.

Keluasan wilayah risalah baginda S.A.W yang bersifat universal diperincikan dalam hadith baginda S.A.W.

Rasulullah S.A.W bersabda:

قال رسول الله صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ؟ أُعْطِيتُ خَمْسًا لَمْ يُعْطَهُنَّ أَحَدٌ قَبْلِي . كَانَ كُلُّ نَبِيٍّ يُبْعَثُ إِلَى قَوْمِهِ خَاصَّةً، وَبُعِثْتُ إِلَى كُلِّ أَحْمَرَ وَأَسْوَدَ . وَأُحِلَّتْ لِي الْغَنَائِمُ، وَلَمْ تَحِلَّ لِأَحَدٍ قَبْلِي . وَجُعِلَتْ لِي الْأَرْضُ طَيِّبَةً طَهْرًا وَمَسْجِدًا . فَأَيُّمَا رَجُلٍ أَدْرَكْتَهُ الصَّلَاةُ صَلَّى حَيْثُ كَانَ . وَنُصِرْتُ بِالرُّعْبِ بَيْنَ يَدَيْ مَسِيرَةِ شَهْرٍ وَأُعْطِيتُ الشَّفَاعَةَ .

الراوي: جابر بن عبد الله المحدث :مسلم المصدر : صحيح مسلم الجزء أو الصفحة 521: حكم المحدث: صحيح

Maksudnya: Aku diberikan 5 perkara yang tidak pernah diberikan kepada mana-mana nabi sebelumku.

1) Setiap nabi-nabi terdahulu diutuskan kepada kepada kaumnya(bangsanya) sahaja secara khusus, sementara aku diutuskan kepada yang berkulit merah dan hitam (pelbagai bangsa dan warna kulit)



2) Pada zaman aku, dihalalkan harta qhanimah (harta rampasan perang) sedangkan ialah adalah sesuatu yang tidak dihalalkan kepada nabi-nabi yang hidup sebelumku.

3) Pada zaman aku, bumi (tanah yang kita pijak) dihukum sebagai baik, suci dan boleh dijadikan sebagai tempat untuk melakukan solat. Oleh itu, sekiranya telah tiba waktu solat, ia boleh solat dimana sahaja dia berada.

4) Aku diberikan kemenangan melalui cara musuh merasa takut dan gerun, meskipun perjalanan untuk aku sampai ke tempat musuh mengambil masa sebulan.

5) Aku dianugerahkan syafaat.

Hadith di atas mempertegas fungsi risalah baginda S.A.W yang bersifat universal dan bukannya eksklusif kepada satu bangsa. Zaman eksklusif kepada satu bangsa sudah pun berakhir. Ia telah disempurnakan dengan baik oleh nabi-nabi yang terdahulu pada zaman mereka bersama bangsa mereka.

Firman Allah S.W.T:

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا كَافَّةً لِّلنَّاسِ بَشِيرًا وَنَذِيرًا وَلَكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ



Maksudnya: dan Kami tidak mengutus kamu, melainkan kepada umat manusia seluruhnya sebagai pembawa berita gembira dan sebagai pemberi peringatan, tetapi kebanyakan manusia tiada mengetahui.

(Surah Saba ayat 28)

Ibn Asyur dalam tafsirnya menjelaskan bahawa ayat di atas mengesahkan bahawa risalah Nabi Muhammad S.A.W memiliki wilayah risalah yang universal sebagai menolak dakwaan orang-orang musyrikin di kalangan bangsa arab serta dakwaan orang-orang Yahudi yang tidak mahu menerima baginda S.A.W sebagai nabi akhir zaman yang memiliki wilayah yang luas merentasi sempadan bangsa dan warna kulit.

Imam Ibn Kathir dalam menghuraikan ayat di atas, beliau mengambil pandangan daripada Muhammad ibn Kaab bahawa makna "kaffah linnas" ialah universal untuk seluruh manusia.

Qatadah menjelaskan bahawa Allah S.W.T mengutus Muhammad S.A.W kepada bangsa arab dan bukan arab.



Iklan penaja-->><http://www.100rumahbudiman.com>

Ibn Abbas menjelaskan bahawa Allah S.W.T telah menganugerahkan kelebihan kepada Muhammad S.A.W melebihi daripada apa yang diperolehi oleh penduduk langit dan seluruh para anbiyak. Lalu orang ramai bertanya kepada Ibn Abbas, bagaimana bentuk kelebihan yang diterima oleh baginda S.A.W jika mahu dibandingkan dengan seluruh para anbiyak?

Lalu Ibn Abbas menjawab dengan firman Allah S.W.T:

وَمَا أَرْسَلْنَا مِنْ رَّسُولٍ إِلَّا بِلِسَانِ قَوْمِهِ لِيُبَيِّنَ لَهُمْ فَيُضِلُّ اللَّهُ مَنْ يَشَاءُ وَيَهْدِي  
مَنْ يَشَاءُ وَهُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ ﴿٤٤﴾

Maksud: Dan Kami tidak mengutuskan seseorang Rasul melainkan dengan bahasa kaumnya supaya ia menjelaskan (hukum-hukum Allah) kepada mereka.

Akan tetapi bila menghuraikan mengenai baginda S.A.W, Allah S.W.T menjelaskan melalui firman-Nya:

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا كَافَّةً لِّلنَّاسِ

Maksudnya: Dan tiadalah Kami mengutusmu (wahai Muhammad) melainkan untuk umat manusia seluruhnya-(tanpa sempadan bangsa dan keturunan)

Ertinya dakwah baginda S.A.W bersifat universal dan global.

# TABIAT DAKWAH UNIVERSAL HADAPI RISIKO PERBALAHAN SESAMA SENDIRI

Rasulullah S.A.W telah nampak masalah yang bakal berlaku apabila beliau menjadi Nabi akhir zaman yang merentasi sempadan bangsa dan warna kulit. Rasulullah S.A.W menjelaskan bagaimana proses penguasaan umat islam dalam usaha melebarkan dakwah ke timur dan barat.

Kalau boleh masalah ini tidak timbul apabila Rasulullah S.A.W tiada di sisi mereka. Namun permintaan baginda itu ditolak oleh Allah S.W.T.

Permasalahan yang dimaksudkan ialah perselisihan pendapat di kalangan umat islam sesama sendiri. Oleh itu sebagai pejuang islam harus sabar dan bersedia berhadapan dengan kemungkinan yang pasti ini.

Sabda Rasulullah S.A.W:

إِنَّ اللَّهَ زَوَى لِي الْأَرْضَ . فرأيت مشارقها ومغاربها . وإن أمتي سيبلغ ملكها ما زوى لي منها . وأعطيت الكنزين الأحمر والأبيض . وإني سألت ربي لأمتي أن لا يهلكها بسنة عامة . وأن لا يسلط عليهم عدوا من سوا أنفسهم . فيستبيح بيضتهم . وإن ربي قال : يا محمد ! إني إذا قضيت قضاء فإنه لا يرد . وإني أعطيتك لأمتك أن لا أهلكهم بسنة عامة . وأن لا أسلط عليهم عدوا من سوا أنفسهم . يستبيح بيضتهم .

ولو اجتمعَ عليهمَ مَنْ بأقطارِها - أو قال مَنْ بينَ أقطارِها - حتى يكونَ بعضهمُ يُهلكُ بعضًا ، ويسبي بعضُهم بعضًا

الراوي: ثوبان مولى رسول الله صلى الله عليه وسلم المحدث :مسلم المصدر :صحيح مسلم الجزء أو الصفحة 2889: حكم المحدث: صحيح

Maksud: Sesungguhnya Allah S.W.T telah membentangkan kepadaku bumi. Aku nampak keseluruhan muka bumi yang dibentang sehingga terlihat dengan jelas bahagian timur dan barat. Umat aku telah dijanjikan bakal menguasai kerajaan bumi ini seperti yang dibentangkan kepada aku (meliputi timur dan barat). Aku dianugerahkan 2 khazanah iaitu merah dan putih (emas dan perak). Maka dengan sebab anugerah ini maka aku memohon kepada Allah agar tidak dimusnahkan umat aku dalam masa setahun seluruhnya. Mereka tidak dikuasai oleh musuh kecuali diri mereka sendiri lalu memusnahkan jemaah dan kekuatan mereka.

Dan Allah telah berkata kepadaku, sesungguhnya aku telah menetapkan qada' akan berlaku seperti yang telah ditetapkan dan ia tidak boleh ditarik balik. Dengan ini aku memustajabkan permintaanmu terhadap umatmu iaitu mereka tidak dimusnahkan dalam tempoh setahun seluruhnya. Mereka tidak dikuasai oleh musuh kecuali dari diri mereka sendiri hingga merosakkan jemaah dan kesatuan mereka meskipun berhimpunnya ke atas

mereka sesiapa yang ada di seluruh penjuru dunia atau di antara penjuru dunia. Ketetapan ini hingga menyebabkan mereka memusnahkan di antara satu sama lain dan memenjarakan sebahagian mereka dengan sebahagian yang lain.

Dalam menghuraikan hadith di atas, Imam al-Qurtubi dalam tafsirnya menjelaskan bahawa ianya ada kaitan dengan hadith yang menjelaskan mengenai 3 permintaan baginda S.A.W kepada Allah. Namun 2 daripadanya diterima dan 1 ditolak.

Terdapat hadith baginda S.A.W yang menjelaskan 3 permintaan Nabi S.A.W bagi umat universal ini. 2 daripadanya diterima dan satu lagi ditolak.

Berikut adalah hadith Nabi S.A.W yang dimaksudkan:

رَأَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي لَيْلَةٍ صَلَّاهَا كُلَّهَا حَتَّى كَانَ مَعَ الْفَجْرِ سَلَّمَ مِنْ صَلَاتِهِ فَقُلْتُ : يَا رَسُولَ اللَّهِ ، بِأَبِي أَنْتَ وَأُمِّي ، صَلَّيْتَ اللَّيْلَةَ صَلَاةً مَا رَأَيْتُكَ صَلَّيْتَ نَحْوَهَا ، فَقَالَ : أَجَلٌ ، إِنَّهَا صَلَاةٌ رَغْبَةٌ وَرَهْبَةٌ ، سَأَلْتُ رَبِّي عَزَّ وَجَلَّ فِيهَا ثَلَاثَ خِصَالٍ فَأَعْطَانِي اثْنَتَيْنِ وَمَنْعَنِي وَاحِدَةً : سَأَلْتُ رَبِّي أَنْ لَا يُهْلِكَنَا بِمَا أَهْلَكَ بِهِ الْأُمَّمَ فَأَعْطَانِيهَا ، وَسَأَلْتُ رَبِّي أَنْ لَا يُظْهِرَ عَلَيْنَا عَدُوًّا مِنْ غَيْرِنَا فَأَعْطَانِيهَا ، وَسَأَلْتُ رَبِّي أَنْ لَا يُلْبَسَنَا شَيْعًا فَمَنْعَنِيهَا

الراوي: خباب بن الأرت المحدث      النووي المصدر : الخلاصة الجزء أو الصفحة      1/594: حكم  
المحدث: إسناده صحيح

Maksud: Khabab Ibn al-Art menjelaskan bahawa aku memerhatikan Rasulullah S.A.W pada satu malam mengerjakan solat sepanjang malam hingga hampir menjelang subuh, barulah baginda memberi salam dan menyelesaikan solatnya. Aku bertanya kepada baginda, Ya Rasulullah! Demi Allah! Sesungguhnya engkau telah melakukan solat yang tidak pernah aku lihat seumpama ini sepanjang hidup aku bersamamu. Lalu baginda S.A.W menjawab, Ya! Sesungguhnya solat yang aku kerjakan ini ada berita yang menggembirakan dan ada yang menakutkan. Aku meminta kepada Allah S.W.T 3 perkara tapi hanya 2 sahaja yang diterima manakala satu lagi ditolak.

Yang pertama : aku memohon agar umat aku ini tidak dibinasakan seperti umat-umat yang terdahulu dan Allah perkenankan permintaanku.

Yang kedua : aku memohon agar umatku tidak dikalahkan oleh musuh selain daripada musuh dari kita sendiri dan Allah perkenankan permintaanku

Yang ketiga : aku mohon agar umatku tidak bertentangan dan berpecah-belah dan berpuk-puk, namun Allah menolak permintaanku.





Pengalaman sebenar merawat penyakit kronik dengan sekeping kaca  
Iklan penaja-->><http://www.biodisc4all.com>

Firman Allah S.W.T:

قُلْ هُوَ الْقَادِرُ عَلَىٰ أَنْ يَبْعَثَ عَلَيْكُمْ عَذَابًا مِّنْ فَوْقِكُمْ أَوْ مِنْ تَحْتِ أَرْجُلِكُمْ أَوْ  
يَلْبِسَكُمْ شِيْعًا وَيُذِيقَ بَعْضَكُمْ بَأْسَ بَعْضٍ ۗ لَّنْظُرَ كَيْفَ نُصَرِّفُ الْآيَاتِ لَعَلَّهُمْ

يَفْقَهُونَ ﴿٦٥﴾

Maksud: Katakanlah: "Dia lah yang berkuasa menghantar kepada kamu azab seksa (bala bencana), dari sebelah atas kamu, atau dari bawah kaki kamu, atau la menjadikan kamu bertentangan dan berpecah-belah - berpuak-puak, dan la merasakan sebahagian daripada kamu akan perbuatan ganas dan kejam sebahagian yang lain". Perhatikanlah bagaimana Kami menjelaskan ayat-ayat keterangan (yang menunjukkan kebesaran Kami) dengan berbagai cara, supaya mereka memahaminya.

Imam Qurtubi dalam tafsirnya ketika menjelaskan ayat di atas, beliau telah membawa beberapa hadith baginda S.A.W di atas sebagai penjelasan.

Terdapat penegasan daripada Allah S.W.T mengenai sikap manusia yang saling bercanggah dan berselisihan faham. Kita perlu akui wujudnya fonomena ini dan jangan panik bila berhadapan dengan situasi ini.

Firman Allah S.W.T:

وَلَوْ شَاءَ رَبُّكَ لَجَعَلَ النَّاسَ أُمَّةً وَاحِدَةً ۗ وَلَا يَزَالُونَ مُخْتَلِفِينَ ۗ إِلَّا مَن رَّحِمَ رَبُّكَ ۗ وَلِذَلِكَ خَلَقَهُمْ ۗ وَتَمَّتْ كَلِمَةُ رَبِّكَ لَأَمْلَأَنَّ جَهَنَّمَ مِنَ الْجِنَّةِ وَالنَّاسِ أَجْمَعِينَ ۗ

(Surah Hud ayat 18-19)

Maksud: Dan kalaulah Tuhanmu (Wahai Muhammad) menghendaki, tentulah Ia menjadikan umat manusia semuanya berada dalam satu ummah (tidak berpecah-pecah). (Tetapi Ia tidak berbuat demikian) dan kerana itulah **mereka terus-menerus berselisihan pandangan di antara mereka**. Kecuali orang-orang yang telah diberi rahmat oleh Tuhanmu, dan tujuan penciptaan manusia aku buat adalah **(untuk mereka berselisih pandangan antara mereka)** Dan dengan yang demikian sempurnalah janji

Tuhanmu: "Sesungguhnya Aku akan memenuhi neraka jahannam dengan sekalian jin dan manusia (yang berdosa)".

Kesimpulannya ialah jika umat islam mahu ke depan dan menguasai timur dan barat dan mahu melebarkan dakwah universal, maka mereka perlu bersedia terhadap kemungkinan yang di sebut oleh Rasulullah S.A.W ini. Baginda menjelaskan bahawa penguasaan terhadap timur dan barat memerlukan perbalahan dan perselisihan di kalangan umat islam agar laluan ke arah penguasaan tersebut dapat dicapai. Ia merupakan faktor penting bagaimana islam boleh melonjak ke atas.

Perhatikan sahaja fitnah yang bermula pada zaman Khalifah Othman Ibn Affan hingga tercetusnya peperangan "Jamal" antara Saidina Ali R.A dan Saidatina Aishah R.A, merupakan faktor penting hingga umat islam berjaya menawan Kota Kostantinople 800 tahun selepas itu.

Ertinya fitnah dan ujian bukan menyebabkan islam ke belakang, bahkan membawa islam semakin naik ke atas. Oleh itu hadith di atas menjelaskan hubungkait antara penguasaan timur dan barat dengan fitnah perpecahan di kalangan umat islam. 2 perkara yang saling lengkap-melengkapi antara satu lain.

Bukan bermakna menggalakkan fitnah itu berleluasa, bahkan mengajar kita perlu matang menghadapi situasi ini. Sesiapa yang menutup lubang fitnah dia terselamat dan sesiapa yang membuka ruang fitnah dia akan bertanggungjawab di hadapan Allah S.W.T. Orang yang menyebarkan fitnah menyangka usahanya akan berjaya, namun hakikatnya penyebar fitnah itu memberi ruang kepada islam untuk naik ke atas.

Oleh itu pentingnya jawatankuasa pengurusan krisis. Memastikan tiada sebarang percanggahan hampir mustahil disebabkan memang manusia sentiasa bercanggah.

Positif di atas perbezaan pandangan dan mampu mengurusnya dengan cara yang betul adalah cara terbaik bagi membawa wilayah risalah baginda S.A.W yng bersifat universal. Manakala bersikap negatif terhadap perbezaan pandangan hanya melayakkan sesebuah jemaah itu disertai oleh satu golongan dan tidak mampu membawa risalah baginda S.A.W yang bersifat universal.

# **Kepimpinan Ulamak & Pakatan Rakyat Wajib Dipertahankan.**

Ulamak disebut dalam hadith sebagai pewaris Nabi S.A.W. Oleh itu kepimpinan ulamak wajar dimartabatkan berikutan hadith Nabi S.A.W. Ini termasuklah menyahut seruan dakwah baginda S.A.W yang bersifat universal. Para ulamak haruslah membawa agenda ini kerana ia adalah warisan yang telah ditinggalkan oleh baginda S.A.W.

Para ulamak haruslah bersabar menghadapi ujian apabila berlakunya kemelut perselisihan di kalangan umat islam disebabkan islam mahu dikembangkan ke timur dan barat.

Kerjasama dalam PR sebenarnya sedang melalui proses melebarkan dakwah kepada pelbagai bangsa dan warna kulit. Ini gagasan yang dituntutkan kepada seluruh para pewaris Nabi. Oleh itu kalau ini menyebabkan perbalahan di kalangan umat islam ia sepatutnya sesuatu yang positif disebabkan kebanyakan manusia tidak mengetahui hakikat sebenar.

Firman Allah S.W.T:

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا كَافَّةً لِّلنَّاسِ بَشِيرًا وَنَذِيرًا وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٢٨﴾

Maksudnya: dan Kami tidak mengutus kamu, melainkan kepada umat manusia seluruhnya sebagai pembawa berita gembira dan sebagai pemberi peringatan, **tetapi kebanyakan manusia tiada mengetahui.**

(Surah Saba ayat 28)

Mana-mana usaha dakwah kepada non-muslim jika didapati gagal memuaskan hati mereka, janganlah terlalu cepat berputus asa, hingga nak bergaduh dengan mereka pula. Berilah tempoh.

Meskipun Nabi Nuh A.S gagal memberikan hidayah kepada mereka, namun 950 tahun direkod oleh Allah dlm al-quran sebagai tempoh dakwah yg dilakukan olehnya sebelum azab itu diturunkan. Allah jelaskan tempoh Nabi Nuh A.S berdakwah supaya kita dapat mengetahui tahap kesabaran nabi-nabi menyampaikan dakwah. Kepada yg mendakwa mereka adalah pewaris para nabi wajib tahu perkara ini.

Dakwah baru bermula 2-3 hari nak gaduh, biasa lah tu. Fahamilah tabiat dakwah nabi-nabi jika mahu menjadi pewaris para nabi. Kalau para anbiyak tidak gelojoh anda juga janganlah gelojoh.

# EKSKLUSIF KEPADA SESUATU BANGSA ERTINYA KEMBALI KEPADA ZAMAN AHLI KITAB

Mari kita renungkan kepada kisah seorang ahli kitab yang beriman dengan Nabi Muhammad S.A.W yang bernama Abdullah Bin Salam. Kisah ini sangat menarik agar kita memiliki hujah yang kukuh mengapa perlunya kita membawa gagasan keluasan wilayah baginda S.A.W yang bersifat universal.

Firman Allah S.W.T:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا ادْخُلُوا فِي السِّلْمِ كَآفَّةً وَلَا تَتَّبِعُوا خُطُوَاتِ الشَّيْطَانِ إِنَّهُ رَجِيمٌ  
لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ

Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman, masuklah kamu ke dalam Islam seluruhnya, dan **janganlah kamu turut langkah-langkah syaitan**. Sesungguhnya syaitan itu musuh yang nyata bagimu.

Imam Naisaburi dalam kitabnya Asbabun Nuzul, menjelaskan mengenai sebab turunnya ayat di atas. Beliau menyatakan

bahawa ayat di atas diturunkan kepada Abdullah Bin Salam dan rakan-rakannya. Iaitu mengenai sikap mereka bila telah beriman dengan baginda S.A.W, mahu mengekalkan syariat yang terdahulu iaitu syariat Nabi Musa A.S. Mereka mahu mengekalkan hari Sabtu sebagai hari kemuliaan dan tidak suka memakan daging unta dan susunya (disebabkan syariat Nabi Musa A.S melarang memakan daging ternakan). Sikap ini memberikan reaksi negatif kepada para sahabat dan di kalangan umat Islam yang lain. Abdullah bin Salam dan rakan-rakannya beritahu kepada baginda S.A.W, sesungguhnya Taurat itu adalah Kitab Allah! Tinggalkan kami agar kami dapat beramal dengan kitab tersebut.

Atas *response* tersebut, maka Allah S.W.T menurunkan ayat di atas, bahawa sikap mereka mahu mengembalikan semula syariat terdahulu dianggap sebagai **mengikut jejak langkah syaitan**. Ini adalah kerana syariat terdahulu sudah tidak relevan digunapakai oleh umat akhir zaman apabila telah lahirnya nabi akhir zaman. Termasuk menghidupkan semula syariat yang terdahulu ialah membataskan wilayah risalah hanya kepada Bani Israel sahaja.

Meskipun kitab tersebut merupakan kitab yang diturunkan oleh Allah S.W.T kepada Nabi Musa A.S namun atas faktor zaman yang semakin berubah, mereka mesti patuh kepada ajaran al-Quran.



Perlu diketahui bahawa agama Islam pernah melalui zaman eksklusif bagi sesuatu bangsa satu ketika dahulu. Ini adalah berikutan ramainya nabi-nabi yang lahir daripada keturunan mereka. Bangsa itu sering menjadi topik utama dalam al-Quran. Para ulamak menjelaskan bahawa, hampir tiada surah di dalam al-Quran kecuali pasti membicarakan mengenai bangsa ini. Hatta dalam Surah al-Fatihah, terdapat permintaan oleh kita selaku umat islam akhir zaman (pelbagai bangsa dan warna kulit) agar tidak menjadi pengikut kepada mereka. Bagi memperkukuhkan permintaan yang diajarkan oleh Allah S.W.T kepada baginda S.A.W bagi kita umat akhir zaman, ia dijadikan rukun dalam setiap rakaat, sama ada dalam solat fardhu atau sunat. Bahkan dalam solat yang tiada rakaat pun diwajibkan membaca Surah Fatihah disebabkan ianya adalah ibu kepada segala surah- surah yang terkandung di dalam al-Quran.

Oleh itu, jika ada usaha untuk mengembalikan semula wilayah risalah islam yang bersifat universal ini terhad kepada sesuatu bangsa atau bangsa melayu sahaja, ertinya ia sedang menentang penentu zaman itu sendiri iaitu Allah S.W.T. Orang yang seperti ini tidak perlu untuk dilayan sangat, sebab yang akan menjatuhkan mereka bukan kita, tetapi Allah S.W.T

# **SIAPAKAH ANTARA PENGHALANG KEPADA GAGASAN UNIVERSAL?**

Oleh kerana terdapatnya perbezaan yang ketara fungsi Nabi Muhammad S.A.W dengan nabi-nabi terdahulu, sudah pasti perbezaan ini merupakan punca perbalahan dan permusuhan di kalangan golongan yang terdahulu terhadap baginda S.A.W.

Siapakah yang menjadi penghalang utama kepada Nabi Muhammad S.A.W sebagai nabi kepada pelbagai bangsa dan warna kulit? Siapakah yang tidak bersetuju apabila perlantikan nabi-nabi sebelum ini daripada kalangan bani Israel bertukar kepada bangsa arab?

Sebenarnya penghalang kepada baginda di awal dakwah, ialah di kalangan bangsanya sendiri. Pada ketika itu, bangsanya sendiri yang menolak baginda. Tahap penentangan berterusan hingga menyebabkan baginda berhijrah ke Madinah.

Namun setelah sampai di Madinah, dakwah baginda semakin rencam dengan kepelbagaian bangsa dan warna kulit yang semakin melebar. Baginda S.A.W berhadapan beberapa tokoh ulamak di kalangan ahli kitab. Mereka sangat berpengaruh

disebabkan mereka menjadi rujukan penting dalam hal yang berkaitan agama.

## **Siapakah Ahli Kitab?**

Ahli Kitab yang dinyatakan oleh Allah S.W.T di dalam al-Quran ialah Yahudi dan Nasrani. Mereka dinamakan ahli kitab, disebabkan Allah S.W.T telah menurunkan kepada mereka 2 buah kitab ke atas mereka iaitu Bani Israel. Kitab yang pertama di turunkan kepada Nabi Musa A.S iaitu Kitab Taurat, manakala kitab yang kedua ialah yang diturunkan kepada Nabi Isa A.S iaitu Kitab Injil.

Oleh itu mereka dinamakan ahli kitab dan ada kalanya mereka dinamakan sebagai ahli kepada 2 buah kitab. Islam menetapkan beberapa hukum khusus apabila umat islam mahu melakukan apa jua komunikasi dengan mereka. Golongan bukan islam selain mereka tidak memiliki keistimewaan ini. Antaranya ialah sembelihan mereka yang tidak disebut nama Allah halal bagi umat islam. Mereka juga termasuk di kalangan orang-orang yang kafir, melakukan syirik ertinya mereka adalah golongan syirik seperti penyembah berhala, penyembah bintang dan sebagainya.

Mereka memiliki keistimewaan dengan sebab mereka menerima risalah melalui 2 buah kitab tersebut daripada kalangan para ambiyak yang terdahulu seperti Nabi Musa, Nabi Harun dan juga Nabi Isa A.S.). Oleh itu pengaruh mereka sangat kuat dalam mencorak pemikiran masyarakat dalam hidup beragama.

Ini tidak menghairankan apabila terdapatnya riwayat yang menjelaskan bahawa Saidatina Khadijah R.A isteri Rasulullah S.A.W merujuk ahli kitab yang bernama Waraqah Bin Naufal atas kapasiti beliau sebagai rujukan dan tokoh ulamak masyarakat pada masa itu. Kisah ini sangat masyhur di kalangan kita iaitu ketika wahyu buat kali pertamanya turun kepada baginda S.A.W.

Bapa saudara baginda S.A.W yang bernama Abu Talib juga turut mengambil tindakan segera membawa pulang baginda S.A.W ke Mekah setelah diberitahu oleh seorang rahib yang bernama Bahira bahawa baginda S.A.W akan dibunuh oleh Yahudi di Syam jika mereka meneruskan perjalanan mencari rezeki di sana. Rahib tersebut memberitahu bahawa dalam diri baginda S.A.W terdapat tanda-tanda yang sangat jelas bahawa dia adalah Nabi akhir zaman yang bakal dimusuhi oleh bangsa Yahudi dan Nasara, orang-orang arab dan bukan arab. Tindakan Abu Talib itu dilihat sebagai yakin dan percaya kepada rahid tersebut atas kapasitinya sebagai tokoh ulama di kalangan agama Nasrani.

Ertinya ahli kitab telah mendapat tempat sebagai tokoh ulama di kalangan mereka pada waktu itu.

## **Modus Operandi Ahli Kitab**

Sewajarnya ahli Kitab memainkan peranan yang penting dalam menyebarkan ajaran islam kepada umat multi-racial akhir zaman ini. Mereka sudah tahu ajaran islam akhir zaman ialah bersifat universal. Namun apa yang dikehendaki tidak begitu, bahkan mereka menjadi penghalang utama kepada gagasan risalah akhir zaman ini atas jenama agama.

Berikut disenaraikan beberapa modus operandi mereka.

1) Menggunakan kedudukan mereka sebagai rujukan dalam bidang agama untuk melebelkan satu kumpulan itu sesat atau tidak. Mereka mengajak orang ramai memerangi golongan tersebut tanpa hujah dan bukti. Mereka menggunakan kedudukan mereka yang hebat dalam bidang agama untuk memerangi Nabi Muhammad S.A.W. Modus operandi ini dinyatakan oleh Dr Mohammad Said Ramadhan al-Boothy dalam kitabnya Fiqh Sirah dalam mengupas mengenai peperangan al-Azhab. Mereka memujuk kaum Quraisy agar memerangi Nabi Muhammad S.A.W atas alasan bahawa agama yang diamalkan oleh kaum Quraisy lebih benar daripada orang-orang yang beriman dan Nabi S.A.W.

أَلَمْ تَرَ إِلَى الَّذِينَ أُوتُوا نَصِيبًا مِّنَ الْكِتَابِ يُؤْمِنُونَ بِالْجِبْتِ وَالطَّنُوتِ وَيَقُولُونَ لِلَّذِينَ  
كَفَرُوا هَتُّؤُلَاءِ أَهْدَىٰ مِنَ الَّذِينَ ءَامَنُوا سَبِيلًا ﴿٥١﴾

Maksudnya: Tidakkah engkau perhatikan (dan merasa pelik wahai Muhammad) kepada orang-orang yang telah diberikan sebahagian dari Kitab (Taurat)? Mereka percaya kepada benda-benda yang disembah yang lain dari Allah, dan kepada Taghut, dan mereka pula berkata kepada orang-orang kafir (kaum musyrik di Makkah) bahawa mereka (kaum musyrik itu) lebih betul jalan ugamanya daripada orang-orang yang beriman (kepada Nabi Muhammad s.a.w).

(Surah An-Nisa' ayat 51)

Ciri-ciri penting modus operandi ini ialah mengajak orang ramai memusuhi orang lain **menggunakan nama agama tanpa hujah dan bukti yang kukuh**. Mereka layak melakukan tuduhan demikian (tanpa perlu membawa bukti), disebabkan mereka mendakwa sebagai anak-anak Allah, kekasih-kekasih Allah dan mereka merupakan manusia suci berbanding manusia yang lain. Bagi menambahkan penjelasan, kita boleh semak ayat yang sebelumnya iaitu yang ke 49 & 50 dalam surah yang sama- (Surah An-Nisa').

Allah S.W.T berfirman:

أَلَمْ تَرَ إِلَى الَّذِينَ يُزَكُّونَ أَنفُسَهُمْ ۗ بَلِ اللَّهُ يُرِيكُم مِّنْ يَشَاءُ وَلَا يُظْلَمُونَ فَتِيلًا ﴿٤٩﴾ أَنْظُرْ كَيْفَ  
يَفْتَرُونَ عَلَى اللَّهِ الْكَذِبَ وَكَفَىٰ بِهِ إِثْمًا مُّبِينًا ﴿٥٠﴾

Maksud: Tidakkah engkau perhatikan (dan merasa pelik wahai Muhammad) kepada orang-orang yang membersihkan (memuji) diri sendiri? (Padahal perkara itu bukan hak manusia) bahkan Allah jualah yang berhak membersihkan (memuji) sesiapa yang dikehendakiNya (menurut aturan SyariatNya); dan mereka pula tidak akan dianiaya (atau dikurangkan balasan mereka) sedikitpun. Lihatlah (wahai Muhammad) betapa beraninya mereka mengada-adakan perkara-perkara dusta terhadap Allah? Dan cukuplah perbuatan itu menjadi dosa yang terang nyata.

(Surah An-Nisa' ayat 49-50)

Hasan dan Qatadah menjelaskan bahawa ayat di atas diturunkan kepada ahli Kitab Yahudi dan Nasara disebabkan mereka mendakwa sebagai anak-anak Allah dan kekasih-kekasih Allah. Imam Ibn Kathir menjelaskan dalam tafsirnya menukilkan kata-kata Mujahid bahawa golongan ahli kitab menggunakan kanak-kanak di depan mereka apabila solat dan berdoa supaya dapat menggambarkan bahawa mereka tidak memiliki dosa.

وقال الإمام أحمد: حدثنا معتمر عن أبيه عن نعيم بن أبي هند قال: قال عمر بن الخطاب: من قال: أنا مؤمن، فهو كافر، ومن قال: هو عالم، فهو جاهل، ومن قال: هو في الجنة، فهو في النار

Imam Ahmad menjelaskan bahawa Saidina Umar R.A berkata: Barangsiapa yang mengatakan bahawa hanya dialah sahaja yang beriman, maka dialah sebenarnya yang kufur. Barangsiapa yang mendakwa bahawa dialah yang alim, maka sebenarnya dialah yang jahil dan barangsiapa yang mendakwa dia layak masuk ke syurga maka sebenarnya dialah yang layak masuk ke dalam neraka.

Kata-kata Saidina Umar ini, merujuk kepada seseorang yang bercakap dengan nilai-nilai ujub yang ada di dalam dirinya. Merasakan dirinya sahaja yang betul, orang lain semuanya salah.

Sikap ahli kitab di kalangan ulamak Yahudi dan Nasara sewajarnya tidak diwarisi oleh ulamak di zaman ini. Namun apabila wujudnya sikap itu, kita kena berhati-hati dengan ulamak terbabit disebabkan pengajaran al-Quran mestilah diambil daripada umumnya lafaz dan bukannya daripada khususnya ia diturunkan.



Potensi ulamak mengulangi semula sikap ahli kitab itu ada. Kayu ukur ini wajar dijadikan panduan agar kita tidak terkeluar dari garisan yang telah ditetapkan. Kalau kita tidak boleh mensucikan diri kita, wajarkah ia hanya untuk orang lain tidak dilihat kepada diri sendiri? Rasanya tidak salah untuk kita nilai semula dalam diri kita, kalau-kalau sifat itu ada kepada kita yang bergelar ulama.

## **Menuduh ahli jemaah sebagai munafiq**

Sesuatu yang menyedihkan apabila berlakunya tuduh-menuduh tanpa bukti yang kukuh di antara sesama ahli. Antara tuduhan yang berat ialah menuduh seseorang dengan munafik. Sewajarnya kita wajib mengetahui bagaimana warisan yang telah ditinggalkan oleh baginda S.A.W apabila berhadapan dengan situasi ini. Jika kita gagal mempamerkan cerminan pendekatan yang di bawa olehnya jangan sesekali menggunakan jenama agama untuk tujuan yang batil. Di sini disertakan beberapa riwayat yang sahih berhubung komunikasi Nabi Muhammad S.A.W dengan orang munafik ketika berada di Madinah.

Ia berlaku dalam peperangan Bani Musthalik seperti yang diriwayatkan oleh Ibn Saad dalam kitabnya yang bernama Thabaqat Ibn Saad dan juga oleh Ibn Hisham dalam kitabnya Sirah An-Nabawiyah . Seorang hamba kepada Saidina Umar

R.A yang bernama Jahjah ibn Said al-Ghiffari berselisih pandangan dengan seorang lelaki yang bernama Sinan Ibn Wabr al-Juhaniy. Perselisihan di kalangan mereka hingga membawa sebab untuk kedua-duanya membunuh. Al-Juhaniy (merupakan sahabat di kalangan Ansar) menjerit kepada rakan-rakannya, wahai sekalian sahabatku di kalangan Ansar! bantulah aku! Manakala Jahjah (sahabat di kalangan Muhajirin) menjerit kepada rakan-rakannya, wahai sahabatku di kalangan Muhajirin bantulah aku!

Peristiwa ini diketahui oleh Abdullah Ibn Ubay Ibn Salul yang merupakan ketua munafiqin dan cuba menyimbah minyak kepada dua sahabat tadi dengan mengatakan: Tak guna kita tolong mereka(Muhajirin). Mereka menghalau kita dan sibuk menguasai apa yang kita ada di tempat kita. Apa yang kita lakukan adalah sama seperti kita beri makanan kepada anjing hingga gemuk dan bila dah kenyang dia pula yang gigit kita! Demi Allah! Jika kami balik semula ke Madinah, orang yang paling mulia (Abdullah Ib Ubay) di kalangan kamu akan menghalau keluar orang yang paling hina! (Nabi Muhammad S.A.W)

Pertengkaran ini di dengari oleh Zaid Ibn Arqam dan beliau terus berjalan bertemu dengan Rasulullah S.A.W bagi menceritakan apa yang didengarinya. Pertemuannya dengan baginda S.A.W turut disertai oleh Saidina Umar R.A. Lalu Umar

R.A memberikan pandangannya: Wahai Rasulullah! Engkau suruh kepada Ubad Ibn Basyar untuk bunuh sahaja Abdullah Ibn Ubay! Baginda S.A.W pun menjawab saranan Umar R.A dengan bertanya: Apa akan berlaku jika tersebar berita bahawa Muhammad S.A.W telah membunuh sahabatnya sendiri?

Selepas peristiwa itu, turun Surah Munafiqin membenarkan dakwaan yang telah dinyatakan oleh Zaid Ibn al-Arqam mengenai Abdullah ibn Ubay Ibn Salul.

Firman Allah S.W.T:

يَقُولُونَ لَئِن رَّجَعْنَا إِلَى الْمَدِينَةِ لَيُخْرِجَنَّ الْأَعَزُّ مِنْهَا الْأَذَلَّ ۗ وَلِلَّهِ الْعِزَّةُ وَلِرَسُولِهِ ۚ  
وَلِلْمُؤْمِنِينَ وَلَكِنَّ الْمُنَافِقِينَ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٨﴾

Maksud: Mereka berkata lagi: " Demi sesungguhnya! Jika kita kembali ke Madinah (dari medan perang), sudah tentu orang-orang yang mulia lagi kuat (pihak kita) akan mengusir keluar dari Madinah orang-orang yang hina lagi lemah (pihak Islam)". Padahal bagi Allah jumlah kemuliaan dan kekuatan itu dan bagi RasulNya serta bagi orang-orang yang beriman; akan tetapi golongan yang munafik itu tidak mengetahui (hakikat yang sebenarnya).

Selepas penurunan ayat di atas, anak kepada Abdullah Ibn Ubay datang bertemu dengan baginda S.A.W dan ia berkata:

"Telah sampai berita kepadaku bahawa engkau mahu membunuh ayahku atas sikap dan ucapannya yang telah engkau dengari. Jika engkau betul-betul mahu menjatuhkan hukuman bunuh kepada ayahku, suruh sahaja kepadaku pasti aku akan bawa kepalanya kepadamu! Demi Allah! Sesungguhnya di kalangan Khazraj, tiada seorang lelaki yang paling baik dan berbudi kepada ayahnya melainkan aku. Oleh itu, aku bimbang kalau engkau menyuruh orang lain membunuhnya, maka aku tidak sanggup melihat orang yang membunuh Abdullah Ibn Salul berjalan bebas di kalangan orang ramai sementara aku mendiamkan diri. Perasaan dan jiwa aku pasti akan memberontak untuk membalas dendam terhadap orang yang telah membunuh ayahku. Jika ini terjadi, maka aku akan membunuh seorang mukmin dengan sebab ia membunuh seorang yang kafir. Perbuatan ini pasti akan menjerumuskan aku masuk ke dalam neraka."

Namun Rasulullah S.A.W memberikan jawapan yang begitu mengejutkan:

" Bahkan kita hanya perlu berlembut dengannya dan memperbaiki persahabatan bersamanya selama mana ia bersama dengan kita"

Ini menunjukkan seni politik baginda S.A.W apabila berhadapan dengan musuh dalam lipatan. Kita membiarkan mereka bukan

bermakna kita setuju dengan mereka, tetapi pengurusan krisis mestilah dihukum berdasarkan kepada bukti dan fakta yang jelas dan dapat dilihat secara zahir. Manakala yang tidak dapat dicapai oleh manusia ia perlu diserahkan kepada Allah.

Dr Mohammad Said Ramadhan Al-Booty menjelaskan bahawa baginda S.A.W mengambil pendekatan bahawa mereka adalah seorang muslim yang tidak boleh dicabuli kehormatannya. Baginda S.A.W tidak mengambil pendekatan yang sama seperti seorang musyrik, murtad atau penipu dalam islamnya..

Menurut beliau (Dr Muhammad Said Ramadhan al-Boothy) telah sepakat di kalangan para ulamak bahawa orang-orang munafik apabila kita berinteraksi dengan mereka di dunia, mestilah dikira sebagai antara kaum muslimin, meskipun sifat munafiqnya jelas membuktikan ianya munafik. Ini adalah disebabkan hukum-hakam islam secara keseluruhannya terdiri daripada 2 pihak :

1) Ia dilaksanakan semasa di dunia. Orang islam bertanggungjawab melaksanakannya ke atas masyarakatnya dan juga di kalangan mereka. Sebelum hukuman dijatuhkan mestilah disabitkan dengan bukti-bukti yang boleh dilihat dengan jelas tanpa keraguan. Ertinya sesuatu jenayah yang dilakukan tidak boleh disabitkan kesalahan kecuali mesti dengan bukti kukuh bahawa si fulan telah melakukannya. Bukti-bukti yang bersifat pra- sangka,

andaian tidak boleh dijadikan sebagai alasan untuk menjatuhkan hukuman pada seseorang.

2) Ia dilaksanakan di akhirat. Ini berkaitan sesuatu yang tersembunyi di dalam hati. Urusan kehakiman dalam hal ini mestilah diserahkan kepada Allah S.W.T. Ini berdasarkan apa yang telah diriwayatkan oleh Saidina Umar R.A:

وإِنَّمَا نَأْخُذُكُمْ الْآنَ بِمَا ظَهَرَ لَنَا مِنْ أَعْمَالِكُمْ

Maksud: Sesungguhnya kami pada hari ini (selepas kewafatan Rasulullah S.A.W) menjatuhkan hukuman mengikut apa yang kami nilai secara zahir

Terdapat juga riwayat daripada Bukhari dan Muslim, Rasulullah S.A.W telah bersabda:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : (إِنَّكُمْ تَخْتَصِمُونَ إِلَيَّ، وَلَعَلَّ بَعْضَكُمْ أَلْحَنُ بِحُجَّتِهِ مِنْ بَعْضٍ، فَمَنْ قَضَيْتُ لَهُ بِحَقِّ أَخِيهِ شَيْئًا بِقَوْلِهِ، فَإِنَّمَا أَقْطَعُ لَهُ قِطْعَةً مِنَ النَّارِ، فَلَا يَأْخُذْهَا.

الراوي: أم سلمة هند بنت أبي أمية المحدث: البخاري المصدر: صحيح البخاري الجزء أو الصفحة: 2680 حكم المحدث: [صحيح]

Maksud: Kamu berdua berbalah dan bercanggah pendapat di hadapanku. Boleh jadi ada di antara kamu memiliki kepetahan

berhujjah dengan hujjahnya. Sesiapa di kalangan kamu yang aku telah putuskan hukumnya tetapi (hukuman yang aku putuskan itu) mengambil hak saudaranya disebabkan kepetahan hujjah dan kata-katanya, maka kamu kena ketahui (meskipun aku yang memutuskannya) ia tetap keputusan yang diambil dari potongan yang terdapat di dalam neraka. Oleh itu, jangan sesekali ia ambil.

Jika Rasulullah S.A.W sendiri menjatuhkan hukuman dengan cara yang zahir sedangkan baginda merupakan penerima wahyu, adakah kita sebagai manusia biasa ada hak menjatuhkan seseorang dengan cara pra-sangka dan andaian?

Apa yang menjadi masalah ialah, hilangnya kebijaksanaan dalam mengurus krisis dalam rangka kesederhanaan yang tidak terlalu ketat dan tidak terlalu longgar.

Dr Barakat Abd Fattah Dawiedar yang merupakan bekas Dekan Fakulti Usuluddin dan Dakwah, Universiti al-Azhar telah menyenaraikan beberapa modus operandi yang dirancang oleh ahli Kitab dalam usaha menyekat dakwah baginda S.A.W daripada berkembang. Penulis senaraikan pandangan beliau sebagai modus operandi ke 2, iaitu:

2) Menimbulkan api perkauman dan bangsa. Modus ini bertujuan memecahkan dan membataskan dakwah baginda S.A.W yang bersifat universal. Para ulamak di kalangan ahli kitab mahu membataskan kesatuan umat islam atas dasar bangsa dan perkauman.

Di Madinah terdapat 2 golongan yang besar iaitu Aus dan Khazraj. 2 golongan ini sering melakukan perbalahan meskipun sebenarnya mereka diikat dengan tali persaudaraan yang kuat. Permusuhan itu adalah disebabkan permainan ahli kitab di kalangan Yahudi. Namun islam telah berjaya mempersaudarakan antara mereka berdua atas dasar agama yang bersifat universal.

Namun apa yang berlaku ini tidak menyenangkan pihak Yahudi. Seorang lelaki Yahudi yang bernama Syas bin Qais, seorang yang sangat kufur, menyimpan perasaan dendam terhadap umat islam telah berjalan di hadapan kelompok Aus dan Khazraj di dalam sesuatu majlis yang di hadiri oleh mereka. Syas melihat bagaimana sikap kerjasama dan berkasih-sayang di kalangan mereka benar-benar terjelma sedangkan sebelum itu mereka berbunuhan sesama mereka. Syas berpandangan, sampai bila pun mereka tidak akan dapat mengalahkan mereka, selama mana mereka sentiasa bersaudara. Mesti dilakukan satu tindakan untuk memecah-belahkan mereka.



Maka beliau telah menghantar seorang pemuda Yahudi dan diarahkan untuk duduk bersama mereka agar menceritakan semula beberapa kisah-kisah lama, dibacakan beberapa bait-bait syair. Pemuda Yahudi tersebut telah berjaya melakukan tugasnya dengan baik sehingga timbullah semula permusuhan di kalangan mereka apabila teringat kisah-kisah lama. Mereka menjerit-jerit sambil berkata, perang!, perang! dan peperangan hampir berlaku di kalangan mereka.

Baginda S.A.W yang mengetahui perkara tersebut, bersegera terus ke tempat kejadian. Baginda S.A.W pergi bersama-sama dengan Muhajirin dan Ansar. Baginda S.A.W menyampaikan dengan suara yang kuat sambil berkata:

"Adakah dengan dakwaan jahiliyyah kamu cuba timbulkan? sedangkan aku masih lagi hidup dan masih lagi ada di kalangan kamu? Sedangkan sebelum itu Allah telah memuliakan kamu dengan islam, Ia telah memisahkan kamu dengan dengan jahiliyyah diganti dengan perasaan berkasih sayang di kalangan kamu?"

Akhirnya para sahabat mengetahui apa yang berlaku adalah merupakan tipu daya syaitan. Mereka akhir mencampakkan senjata-senjata mereka, menangis beramai-ramai dan berpelukan sesama mereka dan mereka pun bersurai.

Kerja mengapi-apikan dan adu domba di kalangan jemaah islam pernah dilakukan oleh ahli kitab. Mereka tidak melakukannya tetapi mengarahkan budak suruhannya untuk melakukan perkara demikian.

Ertinya mendamaikan di kalangan sesama muslim merupakan warisan daripada Nabi S.A.W. Memecah-belahkan jemaah merupakan warisan ahli kitab.



Iklan penaja-->><http://www.100rumahbudiman.com>

## **KEPUTUSAN WALI AL-AMR(PEMIMPIN) DALAM MESYUARAT**

Dr Yusof al-Qaradhawi menjelaskan dalam buku beliau yang bertajuk As-Syisah Syariyyah, bahawa seorang pemimpin wajib menerima keputusan ahli mesyuarat. Iaitu apabila seorang

pemimpin ingin membuat keputusan dalam perkara yang tidak ada nas atau yang terlibat dengan pelbagai andaian atau mengenai kebajikan orang ramai, maka wajib baginya menyempurnakan perkara tersebut setelah bermesyuarat dengan mereka yang ahli dan mereka yang mahir dalam bidang berkaitan. Sewajarnya ia wajib bertanya kepada orang yang mahir dan pakar.

Ini berdasarkan firman Allah S.W.T:

وَلَا يُنَبِّئُكَ مِثْلُ خَبِيرٍ ﴿١٤﴾

Maksud: Dan (ingatlah) tidak ada yang dapat memberi tahu kepadamu (wahai Muhammad, akan hakikat yang sebenarnya) seperti yang diberikan Allah Yang Maha Mendalam PengetahuanNya (pakar dalam bidang-Nya) (Surah Fatiir 14)

Ertinya jika mahu tahu keputusan yang tepat mestilah rujuk kepada yang pakar.

Firman Allah S.W.T:

فَسْأَلْ بِهِ خَيْرًا ﴿٥٩﴾

Maksudnya: Maka bertanyalah akan hal itu kepada yang Mengetahuinya (Surah al-Furqan : 59)

Hukum asal mesyuarat adalah wajib. Ini disebabkan Allah telah mengarahkan kepada baginda S.A.W dengan firman-Nya:

وَشَاوِرْهُمْ فِي الْأَمْرِ

Maksudnya: Dan bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan (peperangan dan hal-hal keduniaan) itu. (Ali Amran:159)

Sebarang arahan terutamanya yang terdapat dalam al-Quran hukumnya wajib. Jika Nabi Muhammad S.A.W yang disokong dengan wahyu, wajib melakukan mesyuarat, sudah pasti selain daripada baginda S.A.W bertambah wajib!

Al-Quran telah menjadikan syura (mesyuarat/meeting) merupakan di antara sifat-sifat asas dalam sebuah masyarakat mukmin. Allah S.W.T menjelaskan mengenai kelebihan-kelebihannya dan memuji unsur-unsur yang terdapat di dalamnya:

وَالَّذِينَ اسْتَجَابُوا لِرَبِّهِمْ وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَأَمْرُهُمْ شُورَىٰ بَيْنَهُمْ وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنْفِقُونَ ﴿٢٨﴾

Maksud: Dan juga (lebih baik dan lebih kekal bagi) orang-orang yang menyahut dan menyambut perintah Tuhannya serta mendirikan sembahyang dengan sempurna; dan urusan mereka dijalankan secara bermesyuarat sesama mereka; dan mereka pula mendermakan sebahagian dari apa yang kami beri kepadanya;

Ertinya urusan syura(mesyuarat/meeting) yang dilakukan, Allah S.W.T menggandingkan dengan golongan manusia yang menyahut seruan tuhan mereka, golongan manusia yang mendirikan solat dan golongan manusia yang sentiasa menafkahkan harta mereka pada jalan Allah. Gandingan yang terdapat dalam syura (mesyuarat/meeting) mengandungi paksi-paksi asas yang penting dalam kehidupan sebuah masyarakat islam.

Imam al-Qurtubi dalam tafsirnya menukilkan kata-kata Ibn Athiyyah:

Syura/Mesyuarat/Meeting merupakan antara kaedah-kaedah syara' dan asas-asas fardhu bagi hukum-hakam. Sesiapa yang

tidak mengambil langkah bermesyuarat dengan ahli agama dan golongan yang pakar dalam sesuatu bidang, maka wajib ditukar atau dipecat. Ini adalah perkara yang tiada khilaf di kalangan para ulamak- Sila rujuk buku Syiasah Syariyyah karangan Yusof Al-Qardhawi.

Ibn Khuwazmindad menjelaskan: Wajib ke atas mana-mana pemimpin, bermesyuarat di kalangan para ulamak di dalam hal yang mereka tidak tahu mengenai perkara yang berkaitan agama, juga di kalangan tentera dalam hal yang berkaitan dengan peperangan, juga di kalangan pemuka-pemuka manusia dalam hal yang berkaitan kemaslahatan, juga di kalangan penulis-penulis(setiausaha-setiausaha), menteri-menteri dan gabenor dalam hal yang berkaitan dengan kemaslahatan negara dan pembangunannya.

## **Keputusan Syura Wajib bagi Imam atau Sekadar Maklum Sahaja.**

Bagi menjawab persoalan ini, ianya adalah khilaf di kalangan para ulamak. Jika merujuk kepada pandangan Imam Hassan al-Banna, beliau berpandangan tidak wajib bagi imam mengikut keputusan mesyuarat.

Namun Yusof al-Qaradawi berpandangan bahawa keputusan mesyuarat wajib diikuti oleh imam. Jika berlakunya

percanggahan, maka ia perlu diundi mengikut jumlah yang teramai. Bahkan beliau menjadikannya sebagai hujah syarak dalam menentukan hukum.

Dr Yusof al-Qaradhawi menyenaraikan beberapa hujah mengapa beliau berpandangan keputusan mesyuarat wajib diikuti oleh imam:

1) Rasulullah S.A.W pernah bermesyuarat di kalangan para sahabat dalam peristiwa peperangan Uhud. Baginda S.A.W berpandangan tidak perlu untuk berperang di luar Madinah, cukup hanya di dalam Madinah sahaja. Akan tetapi baginda S.A.W melihat pandangan majoriti pada ketika itu cenderung untuk berperang di luar Madinah. Akhirnya baginda S.A.W bersetuju dengan pandangan mereka.

2) Baginda S.A.W pernah bersabda kepada Abu Bakar R.A dan Umar R.A : "Jika engkau berdua telah bersetuju dengan satu keputusan, aku tidak akan bercanggah dengan kamu berdua"

3) Ibn Kathir menyebut dalam kitab tafsirnya menukilkan kata-kata Ibn Mardawaih daripada Saidina Ali R.A bahawa baginda S.A.W ditanya mengenai perkataan 'العزم' dalam firman Allah :

فَإِذَا عَزَمْتَ فَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ

Maksud: Kemudian apabila engkau telah berazam (sesudah bermesyuarat, untuk membuat sesuatu) maka bertawakallah kepada Allah.

العزم di sini bermaksud bermesyuarat dengan ahli mesyuarat dan mengikut mereka.

4) Saidina Umar menjadikan keputusan syura bergantung kepada 6 orang di kalangan pembesar para sahabat. Keputusan akhir biasanya memihak kepada yang paling ramai. Apabila jumlahnya sama iaitu 3 orang setuju dan 3 orang tidak bersetuju, mereka melantik seorang daripada luar sebagai mentarjih (mengukuhkan) terhadap pandangan yang berbeza itu iaitu Abdullah Ibn Umar. Kalau 6 orang tersebut tidak bersetuju dengan Abdullah Ibn Umar, maka dipilih di kalangan yang 3 orang itu mesti adanya Abd Rahman Ibn Auf.

5) Al-Quran menolak dan menentang keras diktator sombong dan bongkak di muka bumi tanpa hak seperti Firaun, Haman dan setiap ketua yang bermaharajalela, lagi degil dalam keingkarannya.

Ini dapat kita perhatikan dalam beberapa firman Allah S.W.T mengenainya:

كَذَلِكَ يَطْبَعُ اللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ قَلْبٍ مُّتَكَبِّرٍ جَبَّارٍ ﴿٢٥﴾



Maksudnya: Demikianlah Allah meteraikan atas hati tiap-tiap orang yang sombong takbur, lagi bermaharajalela pencerobohnya!"

وَأَسْتَفْتَحُوا وَخَابَ كُلُّ جَبَّارٍ عَنِيدٍ ﴿١٥﴾

Maksudnya: dan kecewalah tiap-tiap orang yang sombong takbur, lagi bersikap degil (dalam keingkarannya).

6) Ahli Syura dalam sejarah warisan islam, dinamakan sebagai Ahlul al-Hal Wa Al-aqd (ahli penyelesaian masalah dan kesepakatan). Sekiranya pandangan mereka tidak wajib didengar, apa yang telah mereka selesaikan dan apa yang mereka sepakatkan?

7) Al-Quran mengecam dengan kecaman yang keras kepada mana-mana kaum yang bersikap pasif tidak membuat teguran apabila menyerahkan leher kepada pemimpin yang rakus. Allah mengisahkan hinanya kaum Nabi Nuh A.S :

قَالَ نُوحٌ رَبِّ إِنَّهُمْ عَصَوْنِي وَاتَّبَعُوا مَنْ لَّمْ يَزِدْهُ مَالُهُ وَوَلَدُهُ إِلَّا خَسَارًا ﴿٦١﴾

Maksud: Nuh berkata: "Wahai tuhanku! Sesungguhnya mereka telah derhaka kepadaku dan telah mengikuti orang-orang yang harta dan anak-anaknya tidak menambah kepadanya melainkan kerugian belaka.

juga berkaitan dengan kaum Nabi Hud A.S:

وَتِلْكَ عَادٌ جَحَدُوا بِبَايَاتِ رَبِّهِمْ وَعَصَوْا رُسُلَهُ وَاتَّبَعُوا أَمْرَ كُلِّ جَبَّارٍ عَنِيدٍ ﴿٥١﴾

Maksud: Dan itulah (kisah) kaum 'Ad yang mengingkari tanda-tanda kekuasaan Tuhan mereka, dan derhaka rasul-rasul Allah dan mereka menuruti perintah semua pemerintah yang sewenang-wenang lagi menentang (kebenaran).

8) Sejarah dan realiti mengajar kita bahawa pandangan jemaah terlebih hampir kepada tepat dan betul daripada pandangan seorang individu. Pandangan 2 orang lebih baik daripada pandangan seorang. Terdapatnya hadith daripada Umar yang dimarfukan:

فَإِنَّ الشَّيْطَانَ مَعَ الْوَاحِدِ ، وَهُوَ مِنَ الْاِثْنَيْنِ أَبْعَدُ

Maksudnya: Syaitan itu bersama dengan individu apabila ia keseorangan, namun bila individu tersebut bersama orang yang kedua, maka syaitan akan semakin menjauh.



Iklan penaja-->><http://www.100rumahbudiman.com/>

Kesimpulan:

Tiada penolakan kepada kepimpinan ulamak, bahkan apa yang ditegaskan adalah melaksanakan khazanah-khazanah warisan yang ditinggalkan oleh Nabi Muhammad S.A.W.



[Klik di sini](#)